

16/05/2003

Belia perlu sokong dasar untuk maju

Kadir Dikoh; Veena Rusli

KUALA LUMPUR: Golongan belia sebagai pewaris kepemimpinan negara perlu terus berusaha dan bekerja kuat untuk menjayakan segala rancangan dirangka pemimpin sekarang, dengan menyokong penuh dasar yang ada, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri mengingatkan mereka jangan asyik menghabiskan masa mempersoal dan berbahas mengenai dasar tertentu kerajaan kerana mereka bakal mewarisi semuanya dan memikul tanggungjawab yang lebih besar, pada masa depan.

Katanya, golongan pewaris itu juga perlu terus membangunkan negara bagi memastikan generasi akan datang turut menikmati segala nikmat yang telah diwujudkan oleh pemimpin masa kini.

"Kita perlu bertindak, mengurus dan berusaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Ini adalah tanggungjawab belia hari ini, kerana mereka sudah tentu akan menjadi orang dewasa yang akan mengambil alih daripada orang dewasa masa kini.

"Kita tidak harus menghabiskan masa kita dengan berpolemik, bertengkar sama ada dasar-dasar yang telah dilaksanakan ini perlu diubah, perlu diganti dengan yang baru dan yang dianggap lebih sesuai. Mungkin ada dasar dan pendekatan baru yang sesuai.

"Tetapi jika kita menghabiskan masa menyoal, berpolemik, berdebat mengenai dasar itu, adalah tidak berguna jika akhirnya sehingga tiada satu pun kerja dapat kita teruskan. Ingatlah bukan dasar menentukan kejayaan sesuatu projek, sebaliknya ialah tindakan secara serius yang diambil untuk menjayakan projek berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada Perhimpunan Hari Belia Negara 2003 bertemakan "Menjana Kecemerlangan Bangsa" di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara di sini semalam. Tema itu memberi fokus kepada pembangunan dan kecemerlangan berterusan belia tempatan.

Pada majlis yang dihadiri kira-kira 15,000 belia dari seluruh negara itu, Dr Mahathir turut menyampaikan pelbagai anugerah bagi menghargai sumbangan golongan itu yang mengharumkan nama negara dalam pelbagai bidang termasuk di peringkat antarabangsa.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein dan Presiden Majlis Belia Malaysia, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo serta isteri masing-masing.

Dr Mahathir berkata, belia harus ingat mereka bertanggungjawab untuk melengkapkan diri bagi mengambil alih daripada orang dewasa yang memainkan peranan dan bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal negara.

"Kita sedar bahawa persiapan yang perlu dibuat ini mestilah persiapan untuk melaksanakan segala tindakan untuk membangunkan negara. Kita sedar bahawa generasi yang ada sekarang ini, mungkin membuat sesuatu yang salah, yang perlu diperbetulkan, tetapi hakikatnya ialah negara kita ini sudah mencapai kemajuan yang pesat.

"Namun, kemajuan ini belum sampai kepada tahap yang ditentukan iaitu untuk menjadi negara kita ini sebuah negara maju," katanya.

Oleh sebab itu katanya, walaupun ada kecacatan dalam dasar yang ada ini kerana ia tidak "perfect", mereka perlu berusaha untuk menjayakan segala dasar dan rancangan yang ditentukan kerana ia cara untuk memajukan negara.

Dr Mahathir mengambil contoh cadangan kerajaan suatu ketika dulu untuk mengeluarkan kereta nasional yang mencetuskan perbahasan sama ada projek

itu akan berjaya atau tidak, memandangkan taraf negara yang sedang membangun serta tidak mempunyai teknologi.

"Jika dibiarkan perbincangan saja tanpa ada sebarang keputusan maka hari ini tidak ada Proton dan juga kereta nasional," katanya.

Beliau berkata, pendekatan negara ini yang meneruskan sebarang dasar dan rancangan yang diwujudkan telah membawa kepada banyak kejayaan kepada negara.

"Inilah pendekatan digunakan oleh negara kita. Sebab itu kita dapat banyak kejayaan kerana kita tak cuma bercakap dan berpolemik saja. Apabila kita cadang Langkawi dibangunkan, kita usahakan walaupun ada yang kata Langkawi tak mungkin jadi tumpuan pelancong seperti Bali, tetapi kini Langkawi terkenal," katanya.

Perdana Menteri berkata, kejayaan dasar kerajaan juga tergambar dengan kejayaan mengimbangkan hubungan antara kaum dan tiada rusuhan kaum berlaku ketika kegawatan ekonomi pada 1997/98.

Beliau yakin golongan belia akan meneruskan segala usaha itu kerana kini cuma tinggal 17 tahun untuk mencapai tahap sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

"Oleh sebab itu, kita kata belia harapan bangsa. Orang dewasa akan pergi tetapi negara kita akan diwarisi oleh belia. Tiada guna mewarisi sesuatu yang tidak memberi nikmat kepada generasi akan datang. Kita bertanggungjawab untuk membangun negara, apabila belia hari ini dewasa.

"Puak dewasa hari ini telah meninggalkan sesuatu untuk golongan belia, sesuatu yang merupakan nikmat besar. Apabila dewasa, mereka akan menikmati warisan yang tidak kurang baiknya seperti diwarisi sekarang," katanya.

Sementara itu, dalam perutusan pada buku cenderamata sempena perhimpunan itu, Dr Mahathir berkata pembinaan bangsa Malaysia yang menjadi agenda utama negara harus dipupuk dalam minda dan perilaku belia masa kini.

Beliau berkata, usaha perlu ditumpukan kepada menanam semangat perpaduan, kasih sayang, kerjasama, persefahaman, cinta kepada keamanan dan keharmonian hidup antara pelbagai kaum.

"Usaha untuk menjana kecemerlangan bangsa adalah satu tindakan yang bersepadu dan berterusan dengan golongan belia menjadi tonggaknya," katanya.

Beliau berkata, teras pembangunan negara adalah untuk melengkapkan belia dengan sikap, pengetahuan dan kemahiran yang perlu bagi membolehkan mereka menghadapi halangan dan cabaran arus globalisasi.

Katanya, belia adalah aset bernilai yang meneruskan kesinambungan pembangunan negara.